

19/08/2000

Isu sistem penggiliran terus hangat dibahas

Lichong Angkui

"DALAM Barisan Nasional (BN), kita menyelesaikan isu secara manis," demikian penjelasan Datuk Osu Sukam berhubung sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri yang semakin panas dibahaskan kebelakangan ini.

Kenyataan itu dibuat sebagai merujuk kepada cadangan seorang wakil rakyat Umno supaya dibentangkan usul mengenai sistem penggiliran itu dalam persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) akan datang, bertujuan mendapatkan kata putus daripada semua wakil rakyat.

Persoalannya, apakah `cara manis' yang mampu menyelesaikan kemelut politik ini? Bolehkah dicari suatu mekanisme yang dapat membuat keputusan menyenangkan dan diterima semua pihak secara terbuka.

Jika dilihat perkembangan sehingga hari ini, nampak jalan penyelesaian agak gelap .

Ini memandangkan beberapa pihak dalam BN Sabah sendiri memberi isyarat berbeza dan bercanggah - ada yang mahu penggiliran diteruskan ada yang mahu ia dihapuskan - sedangkan sebarang keputusan mengenainya perlu dibuat sebulat suara.

Parti komponen BN yang berteraskan Bumiputera bukan Islam dan Cina awal-awal lagi mengatakan pentingnya dihormati kehendak rakyat seperti ditunjukkan dalam pilihan raya negeri tahun lalu. Mereka merujuk kepada manifesto BN yang menjanjikan penggiliran jawatan Ketua Menteri.

Parti Liberal Demokratik (LDP), parti komponen tertua BN Sabah secara terang-terangan mahu sistem penggiliran Ketua Menteri diteruskan seperti terkandung dalam manifesto BN pada pilihan raya negeri 12 hingga 13 Mac tahun lalu.

Seperti dijelaskan Presiden LDP, Datuk Chong Kah Kiat, rakyat Sabah sudah membuat keputusan mahu sistem itu diteruskan dengan memberi kemenangan cemerlang kepada BN pada pilihan raya itu.

Kemudian Pergerakan Pemuda Umno Sabah, diketuai Tawfik Datuk Abu Bakar Titingan, menyarankan supaya sistem penggiliran itu dihapuskan atas alasan ia mewujudkan ketidakstabilan dan membantutkan pembangunan walaupun pada masa yang sama, ia menyatakan kesediaan akur dengan sebarang keputusan BN.

Selain itu, beberapa organisasi termasuk dewan perniagaan dan parti lain turut memberikan pandangan berbelah-bahagi mengenai sistem itu. Parti pembangkang utama, Parti Bersatu Sabah (PBS) awal-awal lagi membantah pelaksanaan sistem itu yang disifatkannya sebagai tidak wajar.

Lebih menarik lagi, sekali pun belum ada kepastian sama ada penggiliran diteruskan atau sebaliknya, parti Bumiputera bukan Islam khususnya kalangan parti Kadazandusun/Murut sudah berlumba-lumba menuntut hak menyandang jawatan itu selepas penggal dua tahun Umno sekarang berakhir Mac depan.

Melihat betapa rumit dan kompleks isu ini, sewajarnya langkah penyelesaian dibuat sekarang sebelum perdebatan berpanjangan.

Mungkin sudah tiba masanya mesyuarat BN Sabah diadakan kerana sememangnya pun sudah lama ia tidak duduk semeja.

Juga mungkin boleh dipertimbangkan saranan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Kuamut, Abdul Malek Chua, supaya usul mengenai penggiliran itu dibentangkan di DUN bagi mendapatkan `suara' daripada mereka yang mewakili rakyat Sabah, termasuk pembangkang.

Hakikatnya, Umno Sabah sebagai pihak yang dilihat ada kepentingan sekarang ini harus bersedia menghadapi realiti dan sebarang kemungkinan. Lagi pun, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri sudah

mengulangi kenyataan bahawa sistem penggiliran itu akan diteruskan kecuali rakyat dan parti komponen BN Sabah mahukan sebaliknya.

(END)